

15/09/1999

Barisan berjuang kerana rakyat

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Barisan Nasional (BN) ditubuhkan bukan untuk mengejek parti lawan, sebaliknya membangun dan mempertahankan kedaulatan negara.

Perdana Menteri berkata, Umno dan parti komponen BN berjuang kerana rakyat untuk memastikan kemakmuran dan kekayaan negara dinikmati semua penduduk tanpa mengira kaum dan agama.

"Jangan taat kepada seseorang sehingga dia melakukan kerja buruk, kita sokong kerana sokongan peribadi, bukan disebabkan kedudukannya sebagai pemimpin dalam parti," katanya.

Beliau berkata demikian pada Perhimpunan Pemimpin Bersama Rakyat sempena lawatan dua harinya ke Selangor, berakhir hari ini. Turut hadir Menteri Besar, Datuk Seri Abu Hassan Omar.

Perhimpunan itu disertai lebih 30,000 penduduk pelbagai lapisan masyarakat dan mereka melaungkan Malaysia Boleh, Hidup BN dan BN Boleh, pada akhir ucapan Perdana Menteri selama sejam itu.

Malah, hujan tidak melenturkan semangat orang ramai untuk mendengar amanat penting Dr Mahathir.

Pada akhir perhimpunan itu, Abu Hassan mengetuai 60 wakil rakyat yang mewakili rakyat Selangor melafazkan ikrar menyatakan sokongan padu dan taat setia terhadap kepemimpinan dan dasar pentadbiran Perdana Menteri.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri bagaimanapun mengingatkan ahli Umno supaya tidak taksud dengan pemimpin seperti sanggup keluar dan menentang parti apabila seseorang pemimpin itu disingkir daripada parti.

"Kita dalam Umno menjadi ahli bukan kerana kepentingan peribadi, tetapi berjuang untuk membaiki dan memajukan negara agar dapat mencapai taraf bangsa yang maju," katanya.

Perdana Menteri berkata, sudah ramai pemimpin Umno dan BN berhenti sama ada disingkir atau dihadapkan ke mahkamah, tetapi mereka tidak keluar dan menentang parti.

"Semangat Umno dan BN tetap tersemat dalam hati mereka, walaupun nasib mereka agak malang. Inilah pemimpin yang kita pilih yang berjuang untuk bangsa dan negara," katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, Umno tidak ditubuh untuk menjatuhkan sesiapa kerana matlamat utamanya adalah untuk membela nasib dan menyediakan pembangunan rakyat.

Matlamat itu, katanya, berbeza dengan parti pembangkang seperti Pas, DAP dan Keadilan, yang tujuan utamanya hanya mengajak rakyat membenci kerajaan dengan melemparkan pelbagai tuduhan.

Dalam sidang akhbarinya pula, Dr Mahathir berkata, beliau sendiri tidak mungkin mendapat publisiti dan sokongan jika tidak menjadi Perdana Menteri.

"Saya cuma pemimpin Umno dan pemimpin BN. Orang sokong saya semata-mata saya jadi pemimpin parti. Bukan saya ini elok sangat," katanya.

Mengenai tindakan beberapa pertubuhan masyarakat Cina yang mengemukakan memorandum untuk membuat pelbagai tuntutan, Perdana Menteri berkata mereka tidak mewakili masyarakat Cina.

"Ada orang dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) cuba membuat isu. Bila hampir pilihan raya mereka cuba meletakkan tekanan, jika kerajaan tidak buat apa-apa, kami tidak akan mengundi.

"Ini adalah peras ugut. Saya yakin masyarakat Cina akan terus menyokong kerajaan dan tahu apa yang kerajaan lakukan untuk mereka," katanya.

Malah, kata Dr Mahathir, sambutan yang ditunjukkan parti komponen sepanjang lawatan ke Selangor sangat baik dan nampaknya mereka bersiap sedia kalau ada pilihan raya.

(END)